



PROSEDUR KUALITI

**PEMAKLUMAN KEPUTUSAN PERMOHONAN GALAKAN BAGI PROJEK
PENGELUARAN BAHAN MAKANAN YANG DILULUSKAN DI BAWAH AKTA
CUKAI PENDAPATAN 1967**

MOA.PK (PEL)

Disediakan Oleh:  Tandatangan	Diluluskan Oleh:  Tandatangan
Nama: Nor Hisham bin Ibrahim	Nama: YBrs. Dr. Zunika binti Mohamed
Jawatan: SUB (PEL)	Jawatan: TKSU (D)
Tarikh: 7 Oktober 2019	Tarikh: 17/10/2019

NO. KAWALAN SALINAN

NO KELUARAN: 03

TARIKH KELUARAN: 17/10/2019

1. OBJEKTIF

Memastikan proses **Permohonan Galakan Bagi Projek Pengeluaran Bahan Makanan Yang Diluluskan Di Bawah Akta Cukai Pendapatan 1967** dikendalikan dengan cekap dan berkesan.

2. SKOP

Prosedur ini digunakan oleh Bahagian Pelaburan (PEL), Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dalam memproses permohonan yang merangkumi:

- (a) Permohonan syarikat untuk mendapatkan potongan cukai ke atas pelaburan dalam syarikat berkaitan yang menjalankan Projek Pengeluaran Bahan Makanan Yang Diluluskan Di Bawah Akta Cukai Pendapatan 1967; dan
- (b) Permohonan oleh Syarikat Yang Menjalankan Projek Pengeluaran Bahan Makanan Yang Diluluskan Untuk Mendapat Pengecualian Cukai Pendapatan Di Bawah Akta Cukai Pendapatan 1967.

3. RUJUKAN

- 3.1 Garis Panduan Permohonan Galakan Bagi Projek Pengeluaran Bahan Makanan Yang Diluluskan Di Bawah Akta Cukai Pendapatan 1967;
- 3.2 Akta Cukai Pendapatan 1957;
- 3.3 P.U (A) 167 Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Pelaburan Dalam Projek Pengeluaran Bahan Makanan Yang DiLuluskan); dan
- 3.4 P.U.(A) 166 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 3)

4. DEFINISI

4.1 GALAKAN BAGI PROJEK PENGELUARAN BAHAN MAKANAN YANG DILULUSKAN

Galakan ini diberi sebagai dorongan atau galakan kepada syarikat swasta untuk melaksanakan projek pengeluaran bahan makanan. Ia bertujuan untuk menarik penyertaan dan meningkatkan pelaburan pihak swasta di dalam industri agro makanan.

Galakan yang diberikan adalah dalam bentuk potongan cukai kepada syarikat pelabur dan pengecualian cukai syarikat yang melaksanakan Projek Pengeluaran Bahan Makanan Yang Diluluskan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 yang layak. Pengecualian cukai pendapatan 100% ke atas pendapatan berkanun selama 10 tahun taksiran bagi Projek Baharu dan 5 tahun taksiran bagi Projek Pembesaran, bermula dari tahun taksiran pertama syarikat memperoleh pendapatan berkanun. Kerugian sebelum dan selepas tempoh pengecualian dibenarkan untuk dibawa ke hadapan selepas tempoh pengecualian.

4.2 JAWATANKUASA PENILAIAN INSENTIF SEKTOR PERTANIAN (JPISP)

Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha (KSU) atau Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) manakala Setiausaha Bahagian (PEL) bertindak selaku pengerusi ganti dan diurus setiakan oleh Bahagian PEL. Anggota tetap jawatankuasa ini terdiri daripada:

- i. Bahagian Cukai, Kementerian Kewangan (MOF);
- ii. Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN);
- iii. Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA);
- iv. Jabatan Pertanian Malaysia (DOA);
- v. Jabatan Perikanan Malaysia (DOF);
- vi. Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS);
- vii. Jabatan Pertanian (DOA) Sarawak;
- viii. Jabatan Pertanian (DOA) Sabah;

ix. Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Sabah; dan

x. Jabatan Alam Sekitar (JAS), Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar

4.2.1 Peranan Jawantakuasa ini adalah:

- i. Mempertimbang dan memperakukan permohonan yang diterima untuk kelulusan YB Menteri Kewangan bagi mendapatkan potongan atau pengecualian cukai di bawah peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967;
- ii. Meneliti laporan penilaian dan membuat perakuan berdasarkan elemen-elemen potensi dan keupayaan cadangan projek, tapak/lokasi, kos/kewangan, teknologi, dan keupayaan pasaran (*market feasibility*) serta latar belakang syarikat; dan
- iii. Mencadangkan sebarang dasar dan garis panduan baharu untuk dilaksanakan bagi galakan sedia ada atau mencadangkan pengenalan galakan baharu atau memperkemaskan dasar dan garis panduan galakan sedia ada.

Kekerapan Mesyuarat JPISP ini adalah sekurang-kurangnya 4 kali setahun atau mengikut keperluan.

4.3 JABATAN PENILAI

Merupakan jabatan yang bertanggungjawab untuk membuat penilaian terhadap cadangan projek oleh pemohon. Jabatan Penilai ini terdiri daripada tiga Jabatan bagi subsektor utama di bawah MOA iaitu Jabatan Pertanian Malaysia (DOA), Jabatan Pertanian (DOA) Sabah dan Sarawak; Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) termasuk Sabah; serta Jabatan Alam Sekitar (JAS) berdasarkan keperluan pelaksanaan cadangan projek. Jabatan penilai ini akan membuat lawatan tapak dan seterusnya membuat perakuan untuk pertimbangan JPISP.

5. SINGKATAN

KSU	-	Ketua Setiausaha
TKSU (D)	-	Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar)
SUB	-	Setiausaha Bahagian
KPSU	-	Ketua Penolong Setiausaha
PSU	-	Penolong Setiausaha
PT	-	Pembantu Tadbir
JPISP	-	Jawatankuasa Penilaian Insentif Sektor Pertanian
MOA	-	Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani
MOF	-	Kementerian Kewangan
DOA	-	Jabatan Pertanian
DOF	-	Jabatan Perikanan
DVS	-	Jabatan Perkhidmatan Veterinar
JAS	-	Jabatan Alam Sekitar
LHDN	-	Lembaga Hasil Dalam Negeri
MIDA	-	Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia

6. TANGGUNGJAWAB DAN TINDAKAN


Tanggungjawab	Tindakan
PSU/PT	1. Menerima borang permohonan secara atas talian melalui https://siapp.moa.gov.my daripada pemohon seperti berikut: a. Borang MOA 1-1 untuk permohonan potongan cukai ke atas pelaburan dalam syarikat berkaitan yang menjalankan Projek Pengeluaran Bahan Makanan Yang Diluluskan Di Bawah Akta Cukai Pendapatan 1967; b. Borang MOA 1-2 untuk permohonan pengecualian cukai pendapatan daripada syarikat yang menjalankan Projek Pengeluaran Bahan Makanan Yang Diluluskan Di Bawah Akta Cukai Pendapatan 1967;
PSU/PT	2. Membuat semakan sama ada permohonan tersebut telah lengkap/ tidak lengkap berdasarkan Senarai Semakan Permohonan Galakan Bagi Projek Pengeluaran Bahan Makanan Yang Diluluskan Di Bawah Akta Cukai Pendapatan 1967. [Lampiran 7-(1)].
PSU/PT	3. Sekiranya permohonan tidak lengkap atau memerlukan penjelasan lanjut, pihak urus setia akan menghubungi pemohon yang berkenaan melalui telefon/e-mel/surat/faks untuk melengkapkan permohonan atau mendapatkan maklumat-maklumat tambahan bagi melengkapkan permohonan.
KPSU/PSU	4. Sekiranya permohonan lengkap, pihak urus setia akan mengeluarkan surat akuan penerimaan kepada pemohon dan mengemukakan surat permohonan pemohon berserta dengan dokumen yang lengkap kepada Jabatan Penilai sama ada DOA, DVS dan DOF untuk dilaksanakan penilaian.
JABATAN PENILAI	5. Jabatan Penilai (DOA/DOF/DVS) melaksanakan penilaian di tapak projek.

Tanggungjawab	Tindakan
SUB/KPSU/PSU/PT	6. Menerima laporan penilaian daripada Jabatan Penilai
PSU/PT	7. Menyediakan dan menghantar surat panggilan Mesyuarat JPISP kepada Ahli JPISP
JPISP	8. Mengadakan mesyuarat JPISP dan mempertimbangkan permohonan.
KPSU/PSU	9. Menyediakan minit mesyuarat yang mempunyai keputusan perakuan permohonan.
KPSU/PSU/PT	10. Sekiranya permohonan TIDAK DIPERAKUKAN maklumkan keputusan kepada pemohon. Sekiranya pemohon membuat rayuan, bantangkan semula permohonan kepada mesyuarat JPISP.
KPSU/PSU/PT	11. Sekiranya permohonan DIPERAKUKAN, sediakan Nota Perakuan kepada MOF untuk ditandatangani oleh SUB/ KPSU.
KPSU/PSU/PT	12. Hantar Nota Perakuan bersama dokumen permohonan kepada Bahagian Analisa Cukai, MOF untuk kelulusan Menteri Kewangan.
SUB/KPSU/PSU/PT	13. Menerima surat kelulusan/tidak lulus daripada MOF
KPSU/PSU/PT	14. Menyediakan surat memaklumkan keputusan MOF kepada pemohon.


7. REKOD KUALITI

Bil	Rekod	Lokasi	Tempoh Penyimpanan
1.	Borang MOA1-1	PEL	5 Tahun (sehingga tamat tindakan)
2.	Borang MOA 1-2	PEL	5 Tahun (sehingga tamat tindakan)
3.	Senarai Semakan Permohonan Galakan Di Bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 untuk Projek Pengeluaran Bahan Makanan Yang Diluluskan	PEL	5 Tahun (sehingga tamat tindakan)
4.	Laporan Penilaian DOA	PEL	5 Tahun (sehingga tamat tindakan)
5.	Laporan Penilaian DOF	PEL	5 Tahun (sehingga tamat tindakan)
6.	Laporan Penilaian DVS	PEL	5 Tahun (sehingga tamat tindakan)
7.	Surat Panggilan Mesyuarat JPISP	PEL	5 Tahun (sehingga tamat tindakan)
8.	Minit Mesyuarat JPISP	PEL	5 Tahun (sehingga tamat tindakan)
9.	Surat Penolakan Permohonan kepada Syarikat	PEL	5 Tahun (sehingga tamat tindakan)
10.	Nota Perakuan	PEL	5 Tahun (sehingga tamat tindakan)
11.	Surat Kelulusan Permohonan daripada MOF	PEL	5 Tahun (sehingga tamat tindakan)
12.	Surat Kelulusan Permohonan kepada Syarikat	PEL	5 Tahun (sehingga tamat tindakan)
13.	Laporan Pelaksanaan Projek oleh Syarikat	PEL/ Jabatan Penilai (DOA/DOF/DVS)	5 Tahun (sehingga tamat tindakan)
14.	Laporan Mengenai Status Syarikat Yang Menerima Galakan ini	PEL	5 Tahun (sehingga tamat tindakan)

8. CARTA ALIRAN KERJA



**PEMAKLUMAN KEPUTUSAN PERMOHONAN GALAKAN BAGI PROJEK
PENGELUARAN BAHAN MAKANAN YANG DILULUSKAN DI BAWAH
AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967**



PEMAKLUMAN KEPUTUSAN PERMOHONAN GALAKAN BAGI PROJEK PENGELUARAN BAHAN MAKANAN YANG DILULUSKAN DI BAWAH AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

9. SENARAI SEMAK PERMOHONAN GALAKAN CUKAI BAGI PROJEK PENGELUARAN BAHAN MAKANAN YANG DILULUSKAN DI BAWAH AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

LAMPIRAN 7 - (1)

Senarai Semak Barang MOA 1-1 & MOA 1-2

Senarai Semak Permohonan Galakan Di Bawah Seksyen 127, Akta Cukai Pendapatan 1967
Untuk Projek Pengeluaran Bahan Makanan Yang Diluluskan

Arahan: Tundukan X bagi jawapan ADA dan X bagi jawapan TIADA dalam petak yang disediakan

1	Nama Syarikat Pelabur (Sekiranya ada)				
2	Nama Syarikat Subsidiari / Yang Mempunyai Projek				
3	Projek Bahan Makanan Yang Diadangkan				
4	Satah Minimum Projek - Akuatkultur Sabaja				
	Tidak Termasuk Hacten 2 Hektar Atau Lebih				
5	Jenis Projek	☐ Baru	☐ Pelaburan Semula	☐	Tambah Aktiviti Kawasan / Vessel
6	Pemohon Belum Menerima Lain-Lain Insentif Kerajaan	☐ Ya	☐ Tidak		
7	Syarikat Subsidiari Sekurang-kurangnya milik 70% Syarikat Pelabur	☐ Ya	☐ Tidak		
8	Borang dan Dokumen yang diwajibkan dikemukakan				15 set
i	Borang MOA 1-1 (Disalah sahkan yang melabur sahaja jika ada)				
ii	Borang MOA 1-2				
iii	Borang 2A (Pastikan jumlah modal berbayar tidak sekurang-kurangnya RM15,000)				CTC oleh SSM 15 set
iv	Borang 49				
v	Borang M & A				
vi	Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)				
vii	Hak Milik Tanah, atau				CTC 15 set
viii	Perjanjian Pajakan, atau				
ix	Perjanjian Sewa Beli (Sekurang-kurangnya 10 tahun)				
x	Tanah TOI				
9	Dokumen berkaitan sekiranya				15 set
i	Projek Pertanian dijalankan di kawasan tanah tinggi				
a)	Mempunyai surat pelepasan / sokongan bagi menjalankan projek daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS)				
ii	Perikanan Laut Dalam				
a)	Permit membina vessel daripada Jabatan Perikanan Malaysia				
b)	Lesen penangkapan ikan				
c)	Disahkan oleh Ketua Pengarah Jabatan Perikanan Malaysia				
iii	Aktiviti akuakultur yang dijalankan di atas tanah paya bakau				Laporan EIA
a)	Bagi Semenanjung Malaysia dan Sabah (Keluasan melebihi 50 hektar)				
b)	Bagi Sarawak (Keluasan melebihi 5 hektar)				
10	Pecahan Kos Projek				
i	Projek Baru - anggaran kos projek untuk 10 tahun				
ii	Bagi Pelaburan Semula - anggaran kos projek untuk 5 tahun				
iii	Projek Intensifikasi yang melebihi satu aktiviti - anggaran kos projek mengikut aktiviti				
11	Carta struktur organisasi syarikat pelabur di dalam syarikat berkaitan (jika ada)				
12	Carta Struktur Keseluruhan Organisasi (termasuk anak-anak Syarikat sekiranya ada)				
13	Yatidulu Projek - Jumlah Sumber Kewangan (Bahagian C) sekurang-kurangnya sama dengan Kos Projek (Bahagian B)				
14	Syarah Ekuiti				
i	Projek Akuatkultur Sekurang-kurangnya 30% Milik Pelabur Tempatan				
ii	Projek Perikanan Laut Dalam sekurang-kurangnya 100% Milik Pelabur Tempatan				
15	Tuntutan Pinjaman Cukai Bagi Pelaburan Oleh Syarikat Pelaburan Dalam Bentuk ☐ Ekuiti, ☐ Saham, ☐ Wang Tunai				

[Nota: CTC - Certified True Copy (Disahkan) Oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)]

Tarikh Permohonan dihantar (Online)

Tarikh Permohonan lengkap diterima Urusetia
(Bersama dokumen sekurang-kurangnya 15 salinan)

Keputusan ☐ Lengkap ☐ Tidak Lengkap

Keputusan ☐ Lengkap ☐ Tidak Lengkap

Nota

Tarikh Semak
Tarikh Lengkap

Disemak Oleh
Disemak Oleh